



PEJABAT DAERAH / TANAH GOMBAK
KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH SECARA TENDER

TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH SECARA TENDER KE ATAS TANAH SELUAS LEBIH KURANG 3.950 EKAR KE ATAS PLOT 1 BERSEBELAHAN LOT 21 (KUNDANG LAKE COUNTRY CLUB) PEKAN PENGKALAN KUNDANG DAERAH GOMBAK

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada individu dan syarikat yang layak sepertimana yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal Tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : Plot 1 Bersebelahan Lot 21 (Kundang Lake Country Club), Pekan Pengkalan Kundang, Selangor
2. Pelan Tapak : Di Lampiran B
3. Harga Pasaran : RM 2,720,000.00 mengikut nilai JPPH
4. Butiran Tanah :
 - a. Luas : 15,982.0000 meter persegi (3.950 ekar)
 - b. Kategori : Pertanian
 - c. Syarat Nyata : Pertanian
 - d. Zoning : Pertanian
 - e. Dasar/Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan
 - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil.21/2019 bertarikh 24 Julai 2019 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.
 - ii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
5. Petender yang Berjaya adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB NO. 05/2021** dengan harga **RM50.00** daripada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dengan mengemukakan harga yang di tawarkan.

Sila kemukakan permohonan kepada:

PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM.

Tarikh buka/ tarikh disiarkan: **1 November 2021**

Tarikh Tutup: **30 November 2021** Jam 12.00 tengah hari. Satu (1)bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

(PENTADBIR TANAH)
 PEJABAT DAERAH TANAH GOMBAK



26/10/21
 Tarikh :